

28.5.2021

Siaran Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

KERAJAAN PERSEKUTUAN TETAPKAN MASA UNTUK SEMAKAN TARIF AIR DI MALAYSIA

- **PBAPP mengemukakan permohonan untuk semakan tarif air kepada SPAN pada tahun 2019. SPAN mengambil keputusan untuk mengadakan rundingan awam pada tahun 2021.**
- **Semua cadangan semakan tarif air untuk setiap negeri di Malaysia tertakluk kepada kelulusan oleh Kerajaan Persekutuan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 28.5.2021: Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) tidak menetapkan masa semakan semula tarif air di Pulau Pinang.

Masa dan pelaksanaan semua semakan tarif air di Malaysia tertakluk kepada kelulusan oleh Kerajaan Persekutuan.

Dalam laporan yang diterbitkan oleh *The Star* bertarikh 26.5.2021, naib presiden MCA, Datuk Tan Teik Cheng dipetik sebagai berkata "Kerajaan Negeri Pulau Pinang harus menghentikan rancangan untuk menaikkan tarif air."

PBAPP ingin membuat penjelasan berikut:

- Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak memohon semakan tarif air. Sebagai operator air berlesen di Pulau Pinang, PBAPP mengemukakan permohonan semakan tarif air kepada SPAN.
- PBAPP memohon kepada SPAN untuk semakan tarif dua tahun lalu pada tahun 2019, bagi memenuhi syarat memperbaharui Lesen SPAN untuk beroperasi bagi tahun 2020 – 2022.
- SPAN memutuskan untuk mengadakan rundingan awam mengenai permohonan semakan tarif PBAPP pada tahun 2021. Demi ketelusan, PBAPP mendedahkan bahawa ia telah menyiarkan pautan di

www.pba.com.my, berhubung dengan rundingan awam ini.

- Permohonan PBAPP 2019 telah mematuhi arahan SPAN yang mewajibkan semua operator air di Malaysia menetapkan tarif yang berpatutan sesuai dengan formula Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) SPAN.
- Pada tahun 2021, SPAN turut melaksanakan rundingan awam berhubung cadangan semakan tarif di Kedah, Perak, Melaka, Negri Sembilan dan Johor.
- Pada tahun 2019 dan 2020, SPAN telah melaksanakan rundingan awam yang serupa berhubung cadangan semakan tarif di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor dan WP Labuan.
- Setelah semua rundingan awam selesai, SPAN akan mengemukakan cadangannya mengenai semua cadangan semakan tarif air kepada Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).
- KASA kemudian akan mengemukakan cadangannya kepada Kabinet Malaysia untuk kelulusan.
- Apabila Kabinet memberikan kelulusannya, Menteri KASA akanewartakan tarif baru yang diluluskan untuk pelaksanaan oleh operator air.

Harap maklum bahawa pada 21.7.2020 ketika sidang Parlimen, Menteri KASA mengumumkan bahawa kerajaan Persekutuan tidak akan meluluskan semakan tarif air berikutan pandemik Covid-19.

Oleh itu, sangat jelas bahawa tiada semakan tarif air yang akan diluluskan sehingga pandemik Covid-19 selesai. PBAPP hanya dapat melaksanakan tarif air baru selepas Menteri KASA mendapat kelulusan dari Kabinet.

Berdasarkan fakta-fakta ini, MCA seharusnya memberikan komen dan maklum balas mereka kepada Kerajaan Persekutuan. Mereka harus maklum bahawa ada lebih dari satu cadangan semakan tarif (yang melibatkan lebih dari satu negeri) yang akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tarif domestik Pulau Pinang sedia ada adalah yang terendah di Malaysia

Datuk Tan juga dipetik dalam laporan The Star menyatakan bahawa: “Dalam 10 tahun pemerintahan DAP di Pulau Mutiara, kadar air melonjak empat kali ganda, iaitu meningkat lebih 20%.”

Kenyataan ini tidak benar.

Dalam tempoh 2008 - 2020, terdapat 2 semakan tarif air di Pulau Pinang: pada tahun 2010 dan 2015.

1. Dalam semakan tarif air 2010, tarif perniagaan telah disemak tetapi tarif domestik TIDAK disemak. Sebaliknya, PBAPP memperkenalkan Surcaj Penjimatan Air (WCS). Walau bagaimanapun, WCS hanya berlaku untuk penggunaan domestik yang berlebihan iaitu melebihi 35,000 liter sebulan. Sehingga hari ini, lebih 70% pengguna air domestik Pulau Pinang tidak dikenakan caj WCS.
2. Dalam semakan tahun 2015, tarif domestik dan perdagangan disemak semula.

Tanpa mengira jumlah semakan tarif di Pulau Pinang sejak tahun 2008, harap maklum fakta dan angka berikut:

- Purata tarif domestik di Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama sebulan adalah RM0.32 setiap 1,000 liter, yang terendah di Malaysia. Purata kebangsaan adalah RM0.71 setiap 1,000 liter. (*Sila rujuk Appendix A*).
- Purata tarif perniagaan Pulau Pinang sedia ada untuk 500,000 liter pertama sebulan adalah RM1.36, ke-3 terendah di Malaysia. Purata kebangsaan adalah RM1.87 (*Sila rujuk Appendix B*).

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my




PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

APPENDIX A: Comparison of Domestic Water Tariffs in Malaysia (RM per 1,000 litres for the first 35,000 litres per month)



APPENDIX B: Comparison of Trade Water Tariffs in Malaysia (RM per 1,000 litres for the first 500,000 litres per month)

